



Antara artifak yang dipamerkan dalam Muzium Warisan Melayu yang menarik perhatian anak yatim.

» UPM tawar tarikan baharu kepada pengunjung Muzium Warisan Melayu

Oleh Zulhilmie Hat
upen@bh.com.my

Serdang

Seperti tajuk filem fantasi pengembalaan *Night At Museum* yang pernah menemui penonton pada tahun 2006, muncul pula versi Melayu program *Night At Museum* bertempat di Muzium Warisan Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

Program berkonsepkan *Living Museum* anjuran UPM mewajibkan pengunjung bermalam di tiga rumah tradisional berusia seratus hingga dua ratus tahun yang terdapat di persekitaran muzium berkenaan.

Bukan semata-mata tidur 'kosong', pelbagai aktiviti direncanakan seperti pertunjukan kebudayaan Melayu, muzik dan tarian tradisional, melalui

muzium, menoreh getah serta menyala api menggunakan gobek api.

Pengarah muzium itu, Prof Madya Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, berkata program julung kali itu dianjurkan bertujuan menghidupkan fungsi muzium sebagai pusat pameran yang bukan saja hanya dilawati, malah lokasi terbaik untuk melakukan pelbagai aktiviti berkaitan tidak kira pada waktu siang atau malam.

"UPM mahu menjadikan muzium ini seolah-olah *Living Museum* dan pengunjung boleh merasai pengalaman bermalam di sini sambil melakukan aktiviti berfaedah.

"Program ini terbuka kepada umum dan mereka berhasrat mengetahui maklumat lebih lanjut boleh menghubungi pihak muzium bagi membincangkan hal berkaitan program ini,"

Bermalam di muzium

Muzium Warisan Melayu antara tarikan baharu yang disediakan UPM.



Sebahagian daripada anak yatim Rumah Amal Baitu Fitrah Rawang yang berpeluang bermalam di Muzium Warisan Melayu.



UPM mahu menjadikan muzium ini seolah-olah *Living Museum* dan pengunjung boleh merasai pengalaman bermalam di sini sambil melakukan aktiviti berfaedah"

**Muhammad Pauzi
Abd Latif,**
Pengarah Muzium
Warisan Melayu UPM

katanya ketika ditemui di UPM, baru-baru ini.

Lima galeri

Muzium yang baru selesai pembinaan April lalu mempunyai lima galeri, antaranya; Galeri Busana, Galeri Senjata, Galeri Manuskrip, Galeri Isi Rumah dan Galeri Barang Antik yang menghimpunkan kira-kira 450 artifak dalam bangunan dua tingkat itu.

Antara artifak menarik untuk dilihat ialah manuskrip Keris Hang Jebat Gobek Api, Gordong Sembilan (alat muzik), tekstil kalimah ayat suci, Rumah Datuk Raja Diwangsa (Negeri Sembilan), Rumah Kutai (Perak) dan Rumah Bujang Selasar (Terengganu).

Ditanya mengenai timbulnya idea untuk membangunkan konsep *Night At Museum*, Muhammad Pauzi berkata, idea tersebut

tus ketika membuat kunjungan kerja di Singapura yang menyaksikan kesungguhan negara itu memanfaatkan muziumnya sepanjang masa bagi menarik pengunjung dan melakukan aktiviti di persekitarannya.

Sementara itu, seramai 30 anak yatim Rumah Amal Baitu Fitrah, Rawang, menjadi kumpulan pertama menganap di Muzium Warisan Melayu selama dua hari satu malam.

Mereka dibantu oleh 15 sukarelawan dalam kalangan ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan pelajar UPM yang bertanggungjawab berkongsi pengetahuan dan kemahiran dengan kanak-kanak ini mengenai kebudayaan serta kesenian Melayu, di samping mendedahkan mereka dengan suasana universiti.

